

Senator Doktor Mahathir dan Mohammad yang juga ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO Malaysia hari ini menyatakan kesanggupannya supaya penyelidikan terbuka dijalankan terhadap semua perniagaannya demi untuk menghilangkan sebarang pra-gangka.

Doktor Mahathir membuat kenyataan ini berikutan dengan satu kenyataan Pengerusi Lembaga Padi dan Beras Negara Tan Sri Syed Nasir yang menurut Doktor Mahathir "boleh menimbulkan fikiran yang saya ini membuat ucapan oleh kerana tidak dapat sesuatu untuk diri saya."

Syed Nasir di dalam kenyataan semalam antara lain menyebutkan bahawa, "Kita masih dapati orang-orang parti yang kecewa mendapatkan lesen, kontrak, agensi, pinjaman atau hanya didorong oleh perasaan menggunakan mesyuarat UMNO bahagian sebagai forum untuk mencaci dan membuat resolusi terhadap orang-orang atau perbadanan-perbadanan a n

Mahathir sanggup penyelidikan terbuka terhadap perniagaannya

lain yang mendukung perintah dan cita-cita kerajaan."

Doktor Mahathir berkata "Saya sanggup penyelidikan cara terbuka dibuat tentang semua perniagaan yang biasa saya buat.

"Ini mustahak oleh kerana saya terpaksa buat teguran berkenaan dengan beberapa perkara dan mungkin tiap kali saya membuat teguran saya akan disangka menegur kerana kepentingan diri saya.

"Saya percaya tiap-tiap pemimpin UMNO sanggup diselidik tentang punca pendapatan masing-masing supaya mengelak daripada sebarang tuduhan."

Doktor Mahathir juga menjelaskan bahawa ucapannya di mesyuarat UMNO Rawang itu sebenarnya bukan untuk disiarkan di dalam suratkhbar kerana ia merupakan suatu nasihat atas usul yang hendak dibuat oleh UMNO Bahagian Rawang.

"Nasihat ini saya tuju-



Dr. Mahathir

kan kepada UMNO Rawang supaya mereka mengkaji terlebih dahulu sebelum membuat sesuatu keputusan samada ia mendatangkan faedah atau pun tidak.

Beliau juga menjelaskan bahawa ucapannya itu tidaklah ditujukan kepada Tan Sri Syed Nasir kerana mengikut pengakuan Tan Sri Syed Nasir sendiri beliau adalah tidak berkuasa di dalam LPN.